

11/08/2003

Konsep BN ramuan terbaik

Sedutan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-50 di Kuala Lumpur, semalam.

SAYA mengucapkan berbanyak terima kasih kepada MCA yang menjemput saya selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) merasmikan mesyuarat tahunan yang ke-50 MCA. Saya rasa amat gembira kerana perhimpunan ini berjalan dengan begitu baik sekali. Ini kerana begitu rapatnya hubungan antara Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dengan timbalannya, Datuk Chan Kong Choy dan ahli MCA.

Tidak lama dulu, MCA menghadapi masalah. MCA adalah rakan Umno yang terdekat sekali. Apabila MCA menghadapi masalah, Umno juga merasakan kesakitan. Apabila MCA sakit, Umno demam dan BN pening kepala. Begitu juga apabila Umno sakit, MCA demam dan kita semua demam. Kita minta semua parti komponen BN berada dalam keadaan sihat.

Umno tidak akan lupa apabila Umno diharamkan, yang menjadi Pengerusi BN adalah Presiden MCA iaitu BN di bawah Pengerusi MCA. Kalau Pengerusi BN tidak bersetuju menerimanya, Umno baru tidak akan diterima ke dalam BN. Semua ini kerana hubungan rapat antara Umno dan MCA.

Sejarah kerjasama antara MCA dengan Umno sudah bermula sejak 1955. Pada masa itu, MCA dan Umno berpakat bekerjasama menghadapi pilihan raya perbandaran sehingga kedua-dua pihak mendapat kejayaan. Ini adalah permulaan kerjasama untuk kedua-dua parti. Hubungan dengan MCA berjaya dan bersama-sama Umno berjuang untuk mencapai kemerdekaan bagi Malaya, menuntut kemerdekaan dan kemudian disertai oleh MIC.

Inilah faktor kejayaan dan kerjasama ini mengembangkan Perikatan sehingga disertai oleh parti politik dari Sarawak dan Sabah dan parti lain seperti PPP dan Pas pun masuk. Ini adalah cara kita, cara Malaysia membuat inovasi dalam bidang politik di mana parti mewakili kaum tertentu bekerjasama, bertanding dalam pilihan raya dan memerintah.

Ada pihak berpendapat bahawa cara terbaik ialah untuk membuka parti kepada semua kaum. Umno cuba berbuat demikian apabila Datuk Onn Jaafar cuba untuk membuka pintu kepada kaum lain, tetapi gagal kerana Umno belum bersedia dan kaum lain juga takut menyertai Umno kerana mereka akan dikenali sebagai puak minoriti.

Sebaik-baiknya, konsep kerjasama tidak memerlukan parti itu dibubarkan dan disatukan, sebaliknya perlu kerjasama dalam pilihan raya. Kerjasama ini diterajui oleh Umno dan MCA ala-Perikatan.

Kita mempunyai Dewan Tertinggi BN dan Dewan Tertinggi ini menentukan dasar yang adil untuk semua anggota dan anggotanya adalah semua parti komponen tidak kira sama ada ia parti kecil atau besar. Sekarang ada 14 parti dan setiap parti itu ada tiga wakil dalam Dewan Tertinggi BN dengan suara sama tinggi, walaupun parti kecil. Tidak ada pihak yang mempunyai suara lebih atau suara rendah dalam BN. Jadi kepentingan puak yang kecil turut diberi perhatian.

Jika kita mempunyai sebuah parti saja, sudah pasti kaum yang majoriti akan menguasai manakala kaum minoriti rasa tidak senang. Konsep BN adalah kerjasama yang adil, konsep yang menyelamatkan penentangan antara kaum dan parti bekerjasama untuk membentuk kerjasama unik bagi membolehkan semua pihak diberi layanan sama.

Ada juga negara lain memiliki parti Perikatan, tapi mereka adalah parti campuran yang berlaku selepas pilihan raya. Mereka terpaksa mengadakan campuran kerana tidak ada parti yang mendapat kerusi mencukupi. "Marriage

for convenience" - perkahwinan untuk keselesaan. Perkahwinan ini bukan perkahwinan yang tahan lama. Sikit-sikit dia nak hantar SMS (sistem pesanan ringkas).

Apabila tidak dapat kerusi yang cukup untuk membentuk kerajaan, maka cari parti-parti kecil supaya menambah kerusi menjadi majoriti. Tanpa parti kecil ini, mereka tidak dapat menubuhkan kerajaan. Maka parti kecil ini pun mengemukakan pelbagai tuntutan, banyak permintaan untuk mereka sendiri. Mahu menjadi menteri itu dan ini, kalau tidak mereka tidak akan turut serta. Jadi parti besar selalu kena ugutan, walhal parti yang besar selalunya menakutkan.

Percampuran semacam itu tidak boleh tahan lama, sedikit masalah dia hantar SMS, tetapi pakatan BN adalah pakatan sebelum pilihan raya. Kita sudah bahagikan kawasan tertentu. Dalam pilihan raya kita bantu, sokong calon BN tanpa mengira kaum atau parti mana.

Contohnya di kawasan majoriti orang Melayu, kita letak calon Umno tetapi kita akan dapat sokongan daripada masyarakat Cina dari MCA dan masyarakat India dari MIC. Jika sokongan kepada calon Melayu 50-50, maka kaum minoriti menjadi penentu. Begitu juga di kawasan majoriti Cina, MCA letak calon dan jika sokongan itu berbelah bagi, kaum Melayu dan India akan beri sokongan supaya dapat menjamin kemenangan.

Ini adalah cara kita, bukan cara saya. Sebab itu sekarang ini parti lawan cuba nak tiru. Pakatan mereka berbeza dengan kita dan sementara di depan mereka berpakat, belakang mereka bersubahat. Pakatan pembangkang sama sifatnya dengan `berkhalwat'. Parti pembangkang itu sebagai seorang lelaki yang berpakaian kemas dan cantik di depan saja, tetapi di belakangnya kosong. Depan mereka berpakat, tetapi di belakang, macam mana nak kalahkan DAP, macam mana nak kalahkan Pas dan sebagainya. Mereka tidak jujur.

Kita ikhlas bekerjasama. Kenapa kita bekerjasama?... kerana ini adalah negara anda, negara saya dan negara kita. Baik buruk negara akan ditentukan oleh kita. Ia sudah tentu menjadi buruk jika kita sesama kita berperang, bermusuh dan berlawan sepanjang masa.

Negara lain yang mempunyai pelbagai kaum sering menghadapi masalah. Tidak ada keamanan dan kemajuan kerana berperang. Banyak negara tidak ada keamanan dan kemajuan kerana keamanan hanya dapat dicapai jika ada ahli politik tahu macam mana tentukan negara tidak diancam rusuhan dan pendapat yang berbeza-beza. Ahli politik yang baik akan cuba membuat pelan atau merancang untuk membawa parti lawan bersama dan bersatu. Pemimpin yang baik akan cuba mengurangkan konflik.

Kesanggupan kita dalam BN untuk berkorban, kita bekerjasama antara parti. Kita sanggup berkorban untuk yang lain supaya juga mempunyai peluang. Kita tahu kita tidak akan dapat 100 peratus. Apa saja yang kita dapat baik orang Bajau, Kadazan, Iban, mereka tidak boleh menuntut 100 peratus diberi kepada mereka. Kita perlu berkongsi dan memberi sedikit, lama kelamaan kita akan mendapat lebih. Sebab itu konsep kita adalah membahagikan kepada semua kaum kerana tidak ada satu kaum mendapat semua. Dengan mengambil sedikit untuk diri kita, kita akhirnya mendapat lebih banyak. Jadi kita agihkan kek untuk semua kaum.

Inilah yang kita beritahu orang Melayu. Jika orang Melayu ambil 100 peratus untuk diri mereka, kek itu bukan saja mengecil, malah tercetus huru hara. Saya tahu orang Cina tidak puas hati dengan kaum lain, kenapa ada kuota... tetapi majoritinya memberi sedikit, kita dapat lebih. Anda perlu berkorban sedikit, anda akan dapat lebih.

Jadi kita berkongsi kerana kita adalah sebuah negara pelbagai kaum, tidak ada cara lain kita boleh berjaya kecuali kita bersama-sama berfikir untuk membuat pengorbanan kecil. Itu adalah cara kita. Itu adalah sikap pemimpin Umno dan MCA di Kuala Lumpur pada 1955. Ini bukan dicipta oleh

saya, tetapi oleh pemimpin MCA dan Umno pada 1955. Sebab itu kita amat prihatin terhadap MCA. Kita cuba membantu MCA menyelesaikan masalah dan kita sudah menyelesaikan masalah MCA.

MCA berjaya menyelesaikan masalah dalaman dan sekarang ini MCA sudah kembali bersatu padu. Ya, memang ada yang tidak puas hati, sikit sana sini... itu perkara biasa. Saya percaya akhirnya mereka ini akan menyokong usaha perpaduan dalam MCA. MCA tidak wujud untuk pemimpinnya, sebaliknya pemimpin itu diwujudkan untuk MCA.

Parti MCA adalah komponen penting dalam Barisan Nasional. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana MCA berjaya menyelesaikan masalahnya tanpa bantuan Umno. Kita tidak terdaya untuk mempunyai MCA yang lemah. Saya gembira masalah MCA selesai sebelum pilihan raya, maka fokus MCA sekarang hendaklah kepada pilihan raya, buatlah persediaan untuk pilihan raya.

Mengenai hubungan MCA dan Gerakan, abang tentu sayang adik dan adik pula janganlah buat kacau. Segala-galanya ditentukan oleh BN. Dalam pilihan raya BN akan tentukan siapa bertanding. Bila keputusan dibuat, soal siapa calon dan parti mana bertanding tidak timbul lagi. Tak kira calon itu Iban, Melayu ke apa, dia adalah calon BN. Kita mesti bagi sokongan tanpa mengira siapa.

Lupakan perkara yang berlaku dua tahun lalu, tidak guna simpan dalam hati kerana kita datang dari satu MCA, bukan puak, bukan ahli orang itu atau orang ini, tetapi MCA. Sebab itu, pemimpin lama MCA sanggup melepaskan jawatan. Saya ucap syabas kepada Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri Lim Ah Lek kerana sanggup mengorbankan diri. Saya lihat pemimpin baru MCA bekerjasama dengan baik. Kini MCA sudah dipulihkan semula seperti sedia kala dan ini akan memberi sumbangan kepada kemenangan BN.